

Logo Baru Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Rekabentuk oleh :

Prof. Dato' Dr Ahmad Zainuddin & Mohd Faizal Ahmad
(Majlis Rekabentuk Malaysia)

Rasional

Logo ini direka menggunakan **huruf 'Alif'** sebagai konsep teras. Pendekatan menggunakan huruf atau typography adalah berdasarkan pengertian bahawa **manusia yang pada masa hidupnya, berada pada jalan yang lurus** sebagaimana huruf 'Alif' itu. Alif jugamembawa **pengertian ILMU** kerana Allah mengangkat orang-orang yang beriman dan orang-orang yang diberi ilmu dengan beberapa darjat. Ilmu juga di klasifikasikan sebagai pengetahuan atau kepandaian yang merangkumi semua bidang yakni duniawi mahupun ukhrawi. Ilmu juga di takrifkan sebagai pemindahan roh atau jiwa daripada kegelapan kepada kecerahan dan sebagai suatu kebenaran dan keyakinan.

Logo ini menggunakan **dua 'P'** dan **dua 'Alif'** melambangkan **dua peringkat pendidikan** iaitu **Sistem Sekolah** dan **Sistem Pengajian Tinggi**. Hurup **'P'** yang bertingkat kearah **Alif** melambangkan **tahap-tahap kecemerlangan pendidikan Malaysia**. Bentuk **Bulat** melambangkan **Malaysia** sebagai pusat pendidikan yang bersifat **global**. Dari segi warna, **Biru** bermaksud **profesionalisma** dalam sistem pendidikan negara. **Kuning** keemasan melambangkan **kecemerlangan**. **Putih** melambangkan **sistem pendidikan yang bermutu tinggi** dan membentuk insan yang berkualiti dan berilmu mulia.

Disediakan Oleh:

Unit ICT & Dokumentari KSAH 2013

Sumber:

http://www.moe.gov.my/ipgm/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=147:logo-baru&catid=62:informasi&Itemid=741&lang=ms